

# Harvard hantar dua pakar francais

Oleh MANJA ISMAIL

KUALA LUMPUR, Ahad — Kerajaan akan mendapatkan dua pakar di bidang perniagaan francais dari Universiti Harvard, Amerika Syarikat bagi membantu memajukan bidang itu di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, bekas Setiausaha Negara Amerika, Dr Henry Kissinger, yang kini mengajar di Harvard bersetuju untuk menghantar dua pakar berkenaan bagi membantu kerajaan di bidang berkenaan.

"Saya menghubungi Dr Kissinger dan beliau bersetuju untuk menghantar pakar itu ke Malaysia. Sebenarnya dia berharap saya ke New York untuk menemuinya ketika Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu sekarang.

"Bagaimanapun kerana saya tidak ke sana, Dr Kissinger menulis kepada saya bertanyakan sama ada kita sanggup terima pakar berkenaan," katanya menjawab soalan pemberita selepas melancarkan Program Latihan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan di

sini, petang ini.

Menurut Perdana Menteri, kesediaan kerajaan menerima dua pakar berkenaan kerana ia mahu membantu memajukan bidang francais di negara ini supaya rakyat mendapat faedah daripadanya.

Katanya, dengan langkah itu, peniaga tempatan akan lebih memahami kaedah perniagaan francais kerana di Amerika Syarikat, kebanyakan perniagaan berbentuk berkenaan dan sesebuah syarikat itu perlu mempunyai banyak cawangan.

"Kita sudah cuba dengan Sate Ria, tapi kerana pengetahuan mengenai francais kurang di sini, ia belum berjaya menjadi satu cawangan francais.

"Dengan cara francais, orang yang tidak ada pengetahuan boleh memasuki bidang perniagaan manakala bidangnya pula bukan terhad kepada makanan saja, tetapi bidang lain seperti stesen minyak, kasut dan percetakan," katanya.

Menurutnya, banyak bidang perniagaan akan menjadi lebih mudah melalui konsep francais dan kedatangan dua pakar Amerika itu bukan saja membantu kerajaan, malah meno-

long usahawan tempatan yang berminat.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, rangkaian francais makanan yang maju di seluruh dunia seperti McDonald's dan Kentucky bermula dengan perniagaan kecil.

Bagaimanapun, katanya, kerana mutu, kebersihan dan cekapan yang dibantu oleh mereka yang pakar dalam perniagaan, ia berkembang serta mampu membuka beribu cawangan di seluruh dunia.

Perdana Menteri juga berkata, beliau amat memahami masalah penjaja dan peniaga kecil kerana pernah mengalaminya secara peribadi di pekan Rabu, Alor Star sewaktu Perang Dunia Kedua.

"Kerajaan sentiasa memberikan perhatian kepada masalah penjaja dan peniaga kecil termasuk di Kuala Lumpur.

"Kerana itu, kerajaan telah mengarahkan supaya semua bangunan tinggi yang dibina di Kuala Lumpur menyediakan ruang untuk peniaga kecil dengan dikendalikan oleh Dewan Bandaraya," katanya.